BULETIN MABBIM

MAJELIS BAHASA BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA

Maret 2010 Volume 2, Tahun 2010

ISI BULETIN:

SALAM REDAKSI

WARTA SERUMPUN

- Sidang Ke-48 Mabbim
- Syarahan Mabbim di Malaysia
- Syarahan Mabbim di Brunei Darussalam
- Syarahan Mabbim di Indonesia
- Musyawarah Ke-15 Sekretariat Mabbim
- Rapat Kerja Ke-49 Pakersa
- Forum Perdana Bahasa
- Bengkel Penulisan Ilmiah Mabbim 2009
- Puncak acara Bulan Bahasa dan Sastra 2009
- Penataran Leksikografi Tahap II

ARTIKEL

- Dalam dan Bilik: Siapa Pinjam daripada Siapa?

RESENSI

- Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia
- Ensiklopedia Unggul Bahasa Melayu

WISATA KATA

- Istilah Peribumi Bijiran (Nama-Nama Padi)

PROFIL

- Profil Prof. Dr. Teo Kok Seong
- Prof. Dr. Anton M. Moeliono

KILAS PERISTIWA

AGENDA

Salam Redaksi

Keinginan besar untuk menerbitkan buletin yang menjadi sarana komunikasi dan pertukaran informasi antarnegara anggota Mabbim ini dua kali dalam setahun tidak dapat dilaksanakan pada tahun pertama terbitnya. Rencana terbit pada semester kedua tahun 2009 baru dapat terwujud dalam semester pertama tahun 2010. Untuk itu, kami memohon maaf kepada para pembaca.

Sidang ke-48 Mabbim menjadi liputan utama dalam edisi kali ini. Kegiatan syarahan Mabbim di tiga negara anggotanya menjadi warta yang tidak kalah menarik dalam *Warta Serumpun*. Kegiatan Musyawarah Ke-15 Sekretariat Mabbim, Rapat Kerja ke-49 Pakersa, Forum Perdana Bahasa, Bengkel Penulisan Ilmiah Mabbim 2009, Puncak Acara Bulan Bahasa dan Sastra 2009, dan Penataran Leksikografi Tahap II juga menjadi liputan yang disajikan dalam *Warta Serumpun* edisi ini.

Dalam rubrik *Artikel*, Azizah binti Supardi memaparkan asal-usul kata *dalam* dan *bilik*. *Wisata Kata* mengajak kita mengenal lebih dekat istilah *peribumi bijiran*.

Kiprah tokoh besar kebahasaan Indonesia yang juga tokoh yang membidani kelahiran Mabbim, yaitu Prof. Dr. Anton M. Moeliono, dapat ditemukan dalam *Profil*. Dalam rubrik yang sama ditampilkan pula tokoh kebahasaan Malaysia yang memiliki keahlian khusus di bidang sosiolinguistik dan linguistik antropologi.

Dua buah buku menarik, yaitu *Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia* dan *Ensiklopedia Bahasa Melayu,* menjadi buku yang dipilih dalam *Resensi*. Kedua buku tersebut pantas untuk dikoleksi oleh pembaca buletin Mabbim ini.

Semoga Buletin Mabbim edisi kedua ini dapat menjadi sumber informasi bagi pemerhati bahasa Indonesia/Melayu.

Selamat membaca!

Di mana bumi dipijak,
di situ langit dijunjung

Hendaklah mengikuti adat negeri yang didiami

"Bahasa Menunjukkan Bangsa"

Warta Serumpun

Sidang Ke-48 Mabbim

Buat julung kalinya Majlis Sidang Mabbim menyelenggarakan Sidang Pakar bersamaan dengan Seminar Bahasa dan Sidang Eksekutif iaitu berdasarkan Tatakerja Mabbim yang baru: Sidang Pakar dilaksanakan dua hari mendahului seminar. Seminar dilaksanakan dua hari mendahului Sidang Eksekutif. Dengan demikian ketiga kegiatan ini dilaksanakan enam hari berturut-turut.

Sidang Ke-22 Pakar Mabbim

Sidang Ke-22 Pakar Mabbim diselenggarakan selama dua hari, bermula pada 23-24 Mac 2009 di Dewan VIP, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Penamaan **Sidang Pakar** yang diputuskan pada Sidang Ke-47 Mabbim untuk digantikan dengan **Sidang Pakar Pengembangan/ Pembinaan Ilmu** dikekalkan semula kepada penamaan asal, iaitu **Sidang Pakar**.

Bermula pada Sidang Ke-22, perbincangan khusus kepada perancangan dan permasalahan dalam empat **Jawatankuasa/Komisi: Peristilahan, Penyelidikan/Penelitian, Penerbitan dan Pemupukan/Pembinaan**, tidak lagi membincangkan peristilahan seperti lazimnya. Tugas dan tanggung-jawab empat **Jawatankuasa/Komisi** ini ialah:

⌘ **Jawatankuasa/Komisi Peristilahan**
Jawatankuasa/Komisi ini bertanggung jawab menyiapkan, mengolah, dan menyusun istilah bidang ilmu dan menyusun kamus bidang ilmu berdasarkan *Pedoman Umum Pembentukan Istilah* dan *Pedoman Penyusunan Kamus Bidang Ilmu* dengan arahan Sidang Eksekutif Mabbim.

⌘ **Jawatankuasa Penyelidikan/ Komisi Penelitian**
Jawatankuasa/Komisi ini bertanggung jawab merancang, melakukan, dan mengadakan kerjasama penelitian ilmiah dan praktis sesuai dengan keputusan Sidang Eksekutif.

⌘ **Jawatankuasa/Komisi Penerbitan**
Jawatankuasa/Komisi ini bertanggung jawab melaksanakan hasil keputusan Sidang Eksekutif, khususnya dalam bidang penerbitan dalam rangka pemasyarakatan hasil Mabbim sesuai dengan semangat piagam Mabbim.

⌘ **Jawatankuasa Pemupukan/ Komisi Pembinaan**
Jawatankuasa/Komisi ini bertanggung jawab melaksanakan kegiataan kebahasan sesuai dengan semangat Piagam Komunike Bersama (31 Julai 2006).

Seminar Bahasa

Seminar Bahasa yang bertemakan "*Menangani Masalah Sikap Bahasa Melayu/Indonesia dalam Rangka Pendewasaan Bangsa*" diselenggarakan selama dua hari bermula pada 25-26 Mac 2009 di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Negara Brunei Darussalam. Sebanyak sepuluh buah kertas kerja/makalah telah dibentangkan pada seminar tersebut. Seminar Bahasa selanjutnya akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada bulan Mac 2010 sempena Sidang Ke-49 Mabbim, dengan tema "*Meningkatkan Daya Komunikasi Bahasa Melayu/Indonesia dalam Pemeliharaan Alam Sekitar/ Lingkungan Hidup*".

Sidang Ke-48 Eksekutif Mabbim

Sidang Ke-48 Eksekutif Mabbim diselenggarakan selama tiga hari, bermula pada 26 (malam) 28 Mac 2009 di Dewan VIP, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, Negara Brunei Darussalam. Dihadiri oleh ketiga-tiga buah negara anggota Mabbim dan negara Singapura sebagai pemerhati. Antara agenda yang dibincangkan ialah meneliti, menerima dan seterusnya mengesahkan hasil Keputusan Umum Sidang Eksekutif Ke-47, Musyawarah Sekretariat Ke-14, dan Sidang Ke-22 Pakar Mabbim. ■

Warta Serumpun

Syarahan Bahasa Melayu/Indonesia Mabbim di Malaysia

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menganjurkan Majlis Syarahan Bahasa Melayu/Indonesia **Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim)** pada 23 Julai 2009, di Auditorium Mahyuddin Bangunan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UMT. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Puan Faizah binti Mohd. Shaharom, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UMT. Dianggarkan 336 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, guru, dan kakitangan jabatan kerajaan menghadiri majlis ini.

Syarahan yang bertajuk "Unsur Saintifik dalam Pemikiran Masyarakat Melayu: Satu Kajian Korpus" ini telah disampaikan oleh Prof. Dr. Nor Hashimah binti Jalaluddin, pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pensyarah Utama dan Prof. Madya Mohd. Nordin bin Mohd. Abdullah, pensyarah di Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UMT sebagai Pensyarah Pendamping.

Prof. Dr. Nor Hashimah dalam syarahannya telah menguraikan tentang korpus, teori dan aplikasi. Beliau telah memfokuskan kaedah korpus yang tersimpan dalam pangkalan data, diteroka menggunakan teori yang sesuai dan lantas diaplikasikan. Menurutnya, untuk menjadikan bahasa sebagai satu disiplin yang saintifik sifatnya, bahasa itu hendaklah mempunyai unsur penjelasan, mampu meramalkan, mempunyai pola, bersifat mengulang, wujud keserupaan dan jumlah yang mencukupi.

Beliau menegaskan bahawa kajian korpus bersandarkan teori bukan sahaja dapat menerangkan perilaku bahasa itu sendiri tetapi juga menjelaskan falsafah di sebalik pola bahasa yang wujud. Pastinya ia ada kaitan dengan minda penuturnya dan sekaligus membuktikan wujudnya nilai saintifik pada bahasa Melayu itu sendiri. (Rahimi bin Arifin) ■

Syarahan Mabbim di Brunei Darussalam

Syarahan Mabbim buat kali keduanya diadakan di Brunei Darussalam pada hari Rabu, 23 Jamadilakhir 1430/17 Jun 2009. Syarahan kali ini dikendalikan oleh pihak Malaysia dengan mendatangkan Prof. Dr. Nor Hasimah binti Jalaluddin, seorang pensyarah dari Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia ke Brunei Darussalam sesuai dengan perancangan yang telah disepakati di peringkat Mabbim iaitu untuk mempertukarkan pakar/tokoh bahasa antara ketiga-tiga negara anggota. Pelaksanaan Majlis ini diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk Syarahan yang disampaikan ialah "***Unsur Saintifik dalam Pemikirkan Masyarakat Melayu: Satu Kajian Korpus***".

Tetamu kehormat pada majlis itu adalah Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin selaku Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

Peserta syarahan terdiri daripada pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka, Pesyarah-pensyarah, mahasiswa-mahasiswi, guru-guru dan penuntut sekolah menengah serta masyarakat umum. ■

Syarahan Mabbim di Indonesia

Kuliah Umum Mabbim yang dikenal dengan Syarahan Mabbim diadakan di Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung, pada 18 Juni 2009. Syarahan ini merupakan salah satu kegiatan yang telah diagendakan oleh Komite Kegiatan Mabbim yang diselenggarakan di ketiga negara secara berurutan. Pensyarah utama dalam kuliah umum ini adalah Prof. (Madya) Dr. Nor Hashimah Jalaluddin dari Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakultas Ilmu Sosial dan Kemanusiaan, Universitas Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tema yang diusung kali ini adalah "Unsur Saintifik dalam Pemikiran Masyarakat Melayu: Satu Kajian Korpus". Pendamping pemakalah adalah Dr. Sugiyono, Kepala Bidang Pengembangan, Pusat Bahasa, dengan tema Fonetik Eksperimental dan Pengajaran Bahasa.

Peserta acara berasal dari unsur mahasiswa, dosen, dan guru se-Bandung. Acara yang dihadiri oleh 200-an orang peserta tersebut berlangsung mulai pukul 08.00-11.00 dimulai dengan pembacaan ayat suci Al-quran diteruskan dengan Kakawihan Sunda dan pembacaan puisi Doa karya Ahmadun Y.H. Dalam acara ini hadir pula Kepala Balai Bahasa Bandung dan Direktur Pascasarjana UPI, Prof. H. Furqon, Ph.D, yang sekaligus membuka acara.

Syarahan Mabbim dibuka dengan pemaparan makalah oleh Dr. Sugiyono. Presentasi yang disampaikannya mendapat antusiasme yang tinggi dari hadirin. Dalam makalahnya, Sugiyono membeberkan temuannya tentang intonasi bahasa ibu yang memengaruhi pelafalan pelajar bahasa asing.

Makalah utama dibawakan pada sesi kedua setelah diselingi oleh musikalisasi puisi yang cukup menyentuh. Prof. Nor Hashimah membentangkan makalah yang menyoroti penggunaan kata-kata tertentu dalam konteks yang bermacam-macam. Pertanyaan dan tanggapan dari peserta kuliah mewarnai presentasi beliau. ■

Warta Serumpun

Musyawarah Ke-15 Sekretariat Mabbim

Pada 5--7 November 2009 lalu, Pakersa Indonesia, JKTBM Malaysia, dan JKTBM Brunei Darussalam berkumpul di kota Gudeg, Yogyakarta, dalam rangka Musyawarah Ke-15 Sekretariat Mabbim. Pertemuan tersebut diselenggarakan di Hotel Inna Garuda yang letaknya tepat di tengah jantung kota Yogyakarta.

Musyawarah dipimpin oleh Meity T. Qodratillah, yang sekaligus ketua perutusan Indonesia. Perutusan Malaysia diketuai oleh Encik Haji Md. Johari bin Hasan, sedangkan dari Brunei Darussalam diketuai oleh Mohd. Azurin Othman. Turut hadir pula dalam acara tersebut Dr. Sugiyono dan Dra. Yeyen Maryani, M.Hum.

Dalam musyawarah tersebut, dibahas beberapa hal, di antaranya laporan hasil Sidang Pakar Ke-22 Mabbim yang telah dilangsungkan di Brunei Darussalam, Keputusan Umum Sidang Eksekutif Ke-48 Mabbim, dan subtema Seminar Bahasa dalam rangka Sidang Pakar Ke-23 dan Sidang Eksekutif Ke-49 Mabbim di Malaysia. ■

Sidang Musek Ke-15 Sekretariat Mabbim

Forum Perdana Bahasa

Forum Perdana Bahasa telah diadakan pada hari Khamis 27 Rabiulakhir 1430/23 April 2009 dengan tema yang diangkat dari tema hari kebangsaan "**Kedaulatan Bahasa Melayu Sebagai Manifestasi dalam Kedewasaan Bernegara**" sempena sambutan Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2009, bertempat di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong. Forum ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri.

Ahli Panel terdiri daripada:

1. Awang Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif
2. Dr. Mataim bin Bakar
3. Dr. Haji Azmi bin Abdullah
4. Dayang Hajah Aminah bin Haji Momin (Pengerusi).

Antara petikan saranan dalam ucapan Yang Berhormat Pehin...

...Pendidikan merupakan salah satu saluran yang penting dalam mengangkat martabat Bahasa Melayu ke satu tahap yang tinggi dan dapat membentuk sikap, jati diri serta mampu mencorak generasi muda yang unggul yang boleh menjiwai semangat cintakan negara dan tanah air. Bangsa yang menguasai ilmu dan bermaklumat akan lebih mendahului bangsa yang lain. Penguasaan ilmu dan maklumat dapat menentukan kelangsungan sesuatu bangsa.

...Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai salah sebuah institusi ilmu memainkan peranan penting dalam mewujudkan budaya ilmu di kalangan rakyat negara ini, dengan menghasilkan bahan-bahan terbitan bermutu tinggi dalam bahasa Melayu dan menyebarkan ilmu di kalangan masyarakat yang dapat membentuk budaya dan jati diri keBruneian demi *survival* bangsa dan negara...

...di samping peranan yang dimainkan pihak media cetak dan media elektronik dalam pembudayaan bahasa Melayu tinggi, iaitu dengan menerbitkan bahan-bahan bacaan yang bermutu tinggi dan bercorak ilmiah, termasuk aspek bahasanya. Penerbitan akhbar bahasa Melayu perlu mengadakan redaksi bahasa dan sastera untuk menjaga dan mengawal mutu bahasa Melayu dalam akhbar...

Petikan Perbincangan Forum:

1. Dari segi pengalaman/pengamatan bagaimana Bahasa Melayu dilihat sebagai alat kemajuan bahasa akan berkembang selaras dengan perkembangan bangsa.
2. Penggunaan bahasa sendiri merupakan alat (*tools*) untuk memajukan negara kerana bangsa itu sendiri yang akan bertanggungjawab mengangkat bahasa itu sendiri.
3. Hakikat bahawa bahasa itu akan berkembang dapat dilihat melalui penciptaan istilah-istilah baru yang diserap untuk diguna pakai oleh masyarakat bangsa itu sendiri.
4. Perlunya peningkatan dan pemerkasaan pendidikan bahasa Melayu dalam pendidikan negara. ■

Rapat Kerja Ke-49 Pakersa

Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan Nasional, menyelenggarakan Rapat Kerja ke-49 Panitia Kerja Sama Kebahasaan (Pakersa) di Hotel Permata, Bogor. Kegiatan yang berlangsung dari tanggal 27--31 Juli 2009 tersebut dibuka oleh Dr. Sugiyono, Kepala Bidang Pengembangan, yang mewakili Wakil Sementara (Wks.) Kepala Pusat Bahasa.

Rapat Kerja ke-49 Pakersa yang intinya bertujuan untuk pengembangan istilah dan kosakata ini, terbagi atas kelompok khusus dan kelompok umum. Kelompok khusus terdiri atas tujuh bidang istilah, yaitu pemadanan istilah Olahraga, pemadanan istilah Psikologi (Psikologi Klinis), pemadanan istilah Keuangan Syariah, pemadanan istilah Ilmu Hukum (Perdata) dan Ilmu Hukum (Pidana), penyelarasan Kamus Kedokteran, penyelarasan Kamus Perpajakan, dan penyelarasan Kamus Politik. Kelompok Umum memfokuskan pada penyiapan rencana dan materi untuk kegiatan Mabbim yang akan datang.

Kegiatan ini melibatkan pakar bidang ilmu sebanyak 23 orang, antara lain Prof. Dr. Sawitri Supardi Sadarjoen, Psi., (Pakar Psikologi Klinis), Dra. Ieda Purnomo Sigit Sidi, Psi., dr. Sugito Wonodirekso (Pakar Kedokteran), dan Prof. Dr. Mien A. Rifai. ■

Suasana kerja Kelompok Bidang Hukum

Warta Serumpun

Bengkel Penulisan Ilmiah Mabbim 2009

Bengkel Penulisan Ilmiah Mabbim 2009 telah diadakan pada 27--30 Julai 2009 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Bengkel ini telah dibimbing oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Hajah Asmah binti Haji Omar, ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) Malaysia.

Seramai 25 orang peserta telah menghadiri bengkel ini. Mereka terdiri daripada pensyarah dan pegawai dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam Malaysia, Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan Nasional, Indonesia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Dua orang peserta dari DBP Brunei Darussalam yang telah mengesahkan kehadiran telah menarik diri akibat daripada susulan fenomena penularan pandemik influenza A (H1N1) dan menjunjung titah Sultan Brunei Darussalam yang tidak menggalakan rakyatnya ke luar negara. Peserta terdiri daripada tenaga pengajar atau penuntut IPT dalam bidang bahasa yang memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Pertama dan pernah atau sedang mengusahakan buku ilmiah.

Penganjuran bengkel ini antara lain bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang garis panduan dan teknik penulisan buku ilmiah yang betul dan berkesan. Selain itu, bengkel ini juga bermatlamat menambahkan hasil penulisan karya bahasa Melayu/Indonesia yang bermutu dan menerbitkannya untuk memperkaya kepustakaan Melayu. Bengkel ini diharapkan dapat mengenal pasti dan menghasilkan penulis yang berpotensi dalam bidang penulisan agar bakat dan minat mereka dapat dipertingkat.

Bengkel penulisan ilmiah merupakan salah satu daripada kegiatan pemupukan dalam rangka kerjasama kebahasaan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim). Bengkel penulisan ilmiah yang pertama pada tahun 2007 telah memberikan tumpuan pada penulisan buku ilmiah untuk pembaca umum manakala bengkel penulisan ilmiah pada kali ini pula memberikan penekanan dalam menghuraikan penulisan ilmiah daripada pelbagai aspek secara terperinci kepada ahli akademik.

Bengkel penulisan ilmiah Mabbim yang berlangsung selama empat hari ini membincangkan empat tajuk utama iaitu "Apa yang dimaksudkan dengan penulisan ilmiah", "Teks dan Pengungkapan Idea", "Organisasi Teks" dan "Prinsip-prinsip Penghasilan Teks". Selain daripada penekanan kepada teori penulisan ilmiah, latihan amali dan perbincangan secara langsung dengan pembimbing juga dilaksanakan dalam bengkel ini. Antara perbincangan utama dalam bengkel ini adalah berkaitan dengan tesis atau buku yang sedang atau pernah ditulis oleh para peserta.

Pada akhir bengkel para peserta telah memberikan maklum balas yang sangat positif kepada penganjuran bengkel ilmiah pada kali ini kerana pengisiannya amat membantu dalam pembangunan kerjaya mereka yang rata-ratanya adalah pensyarah bahasa. Pemilihan Profesor Emeritus Dato' Dr. Hajah Asmah Haji Omar sebagai pembimbing juga amat bertepatan kerana beliau sememangnya ahli akademik yang prolifik, lantaran itu para peserta dapat berkongsi pengalaman beliau dalam menghasilkan penulisan ilmiah yang bermutu terutamanya dalam bidang bahasa.

Majlis Penutupan bengkel yang diadakan pada 30 Julai 2009 telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Haji Termuzi bin Abdul Aziz, Ketua Pengarah DBP Malaysia, merangkap Pengerusi JKTBM Malaysia. ■

Puncak Acara Bulan Bahasa dan Sastra 2009

Puncak acara Bulan Bahasa dan Sastra (BBS) 2009 yang diselenggarakan pada Rabu, 28 Oktober lalu di halaman Pusat Bahasa, Depdiknas berlangsung sangat meriah. Acara diawali dengan upacara bendera untuk memperingati Hari Sumpah Pemuda Tahun 2009. Acara tersebut dihadiri oleh para mantan Kepala Pusat Bahasa, Prof. Dr. Anton M. Moeliono dan Dr. Dendy Sugono, Kepala Balai/Kantor Bahasa dari seluruh Indonesia, pejabat di lingkungan Pusat Bahasa, sastrawan, pemenang lomba dan sayembara Bulan Bahasa dan Sastra 2009 (siswa, mahasiswa, guru), wartawan, dan peserta.

Dalam puncak acara Bulan Bahasa dan Sastra itu, Wakil Sementara Kepala Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan Nasional, menekankan agar kegiatan lomba sastra dan bahasa harus digalakkan oleh pemerintah sebagai upaya melestarikan sastra dan bahasa, sekaligus melestarikan kebudayaan nasional. Selain membuka puncak acara Bulan Bahasa dan Sastra 2009, Wks. Kepala Pusat Bahasa juga meluncurkan *Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia Pusat Bahasa* yang diiringi dengan tari Pendet dari Bali.

Acara Bulan Bahasa dan Sastra kali ini dimeriahkan oleh penampilan Madrasah Aliyah Pembangunan UIN Jakarta, pemenang Festival Musikalisasi Puisi BBS 2009, dan tari tradisional Reog Ponorogo dari daerah Jawa Timur yang menyambut kehadiran para tamu kehormatan. Suasana makin semarak dengan pembacaan puisi oleh Asrizal Nur dari Komunitas Sastra Indonesia.

Sementara itu, dalam kesempatan yang sama, Pusat Bahasa, Depdiknas memberikan penghargaan kepada sepuluh media massa yang menggunakan bahasa Indonesia dengan baik. Peringkat pertama hingga peringkat ke sepuluh itu ialah *Koran Tempo*, *Kompas*, *Republika*, *Media Indonesia*, *Pikiran Rakyat*, *Suara Pembaruan*, *Koran Jakarta*, *Sinar Harapan*, *Tribun Jabar*, dan *Tribun Manado*.

Pusat Bahasa, Depdiknas juga memberikan penghargaan sastra kepada F. Rahardi untuk kumpulan puisinya yang berjudul "Negeri Badak", Triyanto Triwikromo untuk kumpulan cerpennya yang berjudul "Ular di Mangkuk Nabi", dan Agus Noor untuk kumpulan cerpennya yang berjudul "Potongan Cerita di Kartu Pos". Selain itu, diberikan juga penghargaan untuk Penulisan Esai Pengajaran Bahasa/Sastra bagi guru SD/MI tingkat nasional, Festival Musikalisasi Puisi tingkat Jabodetabek, sayembara Kaligrafi Bahasa Indonesia, serta sayembara Proposal Penelitian Kebahasaan dan Kesastraan.

Untuk kegiatan Pemilihan Duta Bahasa tingkat nasional, pasangan dari DKI Jakarta meraih peringkat pertama, kemudian disusul oleh pasangan dari Provinsi Jawa Barat, dan pasangan dari Provinsi Bali. Di samping itu, Pusat Bahasa juga mengadakan lomba keterampilan berbahasa Indonesia bagi peserta Bahasa Indonesia untuk Penutur Asing (BIPA) melalui jaringan internet. Lomba tersebut dimenangi oleh Mara Bollard dari Australia. (AB) ■

Warta Serumpun

Penataran Leksikografi Tahap II

Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan Nasional, pada 14 Agustus 2009 lalu menyelenggarakan Penataran Leksikografi Tahap II. Penataran yang diselenggarakan di Pusat Bahasa tersebut merupakan lanjutan Penataran Leksikografi Tahap I yang diselenggarakan pada tahun 2004 dan tahun 2006. Pada penataran tahap pertama difokuskan pada penyusunan kamus ekabahasa, sedangkan pada penataran tahap kedua difokuskan pada penyusunan kamus dwibahasa.

Menurut Ketua Pelaksana Penataran, Dr. Dedi Puryadi, kegiatan Penataran Leksikografi Tahap II ini merupakan salah satu agenda kegiatan Mabbim (Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia) yang bertujuan untuk meningkatkan sumber daya manusia dalam rangka pembinaan bahasa di negara masing-masing. Khusus untuk Indonesia, penataran ini diharapkan menghasilkan pekamus-pekamus andal dari Pusat Bahasa, Balai Bahasa atau Kantor Bahasa yang tersebar di berbagai provinsi di Indonesia dalam menyusun kamus dwibahasa, baik itu kamus bahasa Indonesia-bahasa daerah maupun kamus bahasa Indonesia-bahasa asing.

Peserta penataran sedang mengikuti materi sajian di kelas

Penataran diikuti oleh 29 orang yang telah lulus pada Penataran Leksikografi Tahap I tahun 2004 dan 2006 yang berasal dari Pusat Bahasa dan Balai/Kantor Bahasa se-Indonesia. Pada kegiatan kali ini Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia serta Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam yang semula akan mengirimkan pesertanya batal karena berhalangan. Selain peserta inti, kegiatan ini juga dihadiri oleh lima peserta pendengar yang merupakan staf Subbidang Perkamusan dan Peristilahan Pusat Bahasa.

Materi yang disajikan dalam penataran tersebut, antara lain, ialah Pengantar Leksikografi, Tipe dan Pengguna Kamus, Bukti Leksikografis, Metode dan Sumber Daya, Teori Linguistik, Perencanaan Kamus, Perencanaan Entri, Penyusunan Pangkalan Data, Penyusunan Entri Kamus Dwibahasa, Tahap Penerjemahan, dan Praktik Perkamusan.

Materi tersebut disampaikan oleh para pakar dan praktisi kamus dari Pusat Bahasa dan universitas, antara lain Prof. Dr. Anton M. Moeliono, Prof. Dr. I Gusti Made Sutjaja (Universitas Udayana), Dr. Soesi Moeimam (Universitas Indonesia), Dr. Sugiyono, Dr. Dedi Puryadi, Dr. Fairul Zabadi, dan Meity T. Qodratillah, M.Hum. (AB) ■

Foto bersama peserta penataran dengan pengajar, Dr. Dedi Puryadi

Peserta penataran mempraktikkan materi sajian dari pengajar, Dr. Sugiyono

Artikel

Dalam dan *Bilik*: Siapa Pinjam daripada Siapa?

Azizah binti Supardi

Persentuhan dan pertembungan bahasa merupakan salah satu cara bagaimana peminjaman kosa kata berlaku. Bagaimanapun, latar budaya yang mengiringi kosa kata yang dipinjam belum tentu kekal seadanya. Masyarakat bahasa yang meminjam kadangkala menggunakan sesuatu kata itu dengan menyempitkan, meluaskan, atau mengubah makna kata yang dipinjam itu. Namun begitu, ada kata yang tidak jelas siapa yang memimjam meminjam daripada siapa. Antara kata tersebut ialah kata ***dalam*** dan ***bilik***.

Kata ***dalem*** dalam varian Jawa Baru bermakna 'in, inside'; dan dalam bahasa Jawa tinggi bermakna '*house, hall*' yang dikatakan oleh Nothofer (1975) dipinjam daripada bahasa Melayu. Namun, perlu diterangkan di sini bahawa dalam varian Jawa Kuno juga, ***dalem*** bermakna '*inside, deepest, palace, court, deep*'. Pemaknaan ini bertepatan dengan makna yang diberikan oleh *Kamus Dewan* (1994) untuk entri ***dalem III***, 'istana, kawasan istana raja.' Malah frasa ***bahasa dalam*** juga bermakna 'bahasa yang digunakan di kalangan raja atau golongan istana (spt beradu, santap, dll). Entri ***dalam III*** itu juga ditandai dengan label *sl,* iaitu sastera lama.

Tidak dinafikan yang bahawa ***dalam*** (BMMel) itu juga bermakna 'jarak permukaan air ke dasarnya' dan 'bahagian rumah yang berlawanan dengan luar', tetapi makna ketiga ini lebih menarik dibincangkan. Ruang ***dalem*** bagi masyarakat Jawa terletak di sebelah dalam dan di tengah-tengah kawasan rumah (Gunawan, 1998). Ruang itu ditandai dengan empat tiang utama dan biasanya digunakan untuk upacara keagamaan dan perkahwinan, malah ***dalem*** dikatakan sebagai ruang keluarga (Pritjima 1984: 40-42).

Nampaknya terdapat persamaan ***dalam III*** (MelBM) dengan ***dalem*** (Jw) bahasa tinggi. Ini tidak menghairankan kerana varian Melayu dan Jawa saling meminjam. Hubungan kerajaan Majapahit dengan kerajaan Melayu di Sumatera dan Tanah Melayu mewujudkan hubungan budaya khususnya bahasa dan sastera. Kitab-kitab Jawa Kuno banyak dibawa ke Tanah Melayu dan memberi pengaruh sendiri kepada varian Melayu. Sifat makna kata ***dalam*** yang asal iaitu 'jarak permukaan air ke dasarnya' boleh dijadikan analogi dan diperluaskan maknanya untuk menunjukkan betapa sifat ***dalam*** untuk istana.

Selain kata ***dalam***, kata ***bilik*** juga mencetuskan pertanyaan yang lebih kurang sama siapa meminjam daripada siapa? Kata ****bilik*** *dalam bahasa* Melayu Purba (MP) 'bermakna jalinan buluh yang dijadikan pemidang sekatan antara ruang rumah' berubah menjadi ***bilik*** (MelBM), ***bili?*** (Min), iaitu 'ruang dalam rumah (bangunan dll) yang bersekat', dan manakala ***bilik dalam bahasa Iban*** (Ibn) 'bermakna unit dalam rumah panjang' (Adelaar, 1992).

Sesuatu yang menghairankan ialah makna kata dalam MP ini sama dengan makna yang diberikan oleh Wilkinson (1959) untuk kata ***bilik***. Walaupun kata ***bilik*** itu merujuk **bilik** Melayu (BM), tetapi beliau menandai kata itu dengan label (Jav) yang bermaksud kata dan makna itu dalam varian Jawa. Dalam rekonstruksi Melayu-Javanik Purba, tidak ditemukan kata ***bilik*** sebagai salah satu kata asli varian Jawa. Anehnya, makna asal yang ditandai daripada varian Jawa itu menjadi makna asal kata ***bilik.***

Namun, ada perkara lain yang perlu dibincangkan di sini iaitu perbezaan ruang **bilik** antara ketiga-tiga varian ini. ***Bilik*** dalam varian Melayu tidak khusus, asalkan ruang itu bersekat, berpintu (sama ada mempunyai daun pintu atau tidak), tetap dipanggil ***bilik***. ***Bilik*** ini juga tidak khusus untuk rumah tetapi bangunan dan seumpamanya. Sebaliknya, ***biliek*** varian Minang dan ***bili?*** varian Iban adalah ruang khusus. Bagi masyarakat Minang dan Iban, duduk berkeluarga dalam rumah besar merupakan adat mereka. Oleh itu, terdapat banyak ***bilik*** di dalam sesebuah rumah itu. ***Bilik-bilik*** itu tempat tidur (atau tinggal) pasangan yang telah berkahwin (Roth 1968, Waterson 1998): Dalam masyarakat Minang, suami akan mengikut isteri tinggal di ***bilik***, manakala dalam masyarakat Iban, pertalian darah menjadi penentu untuk tinggal di ***bilik*** sebuah rumah panjang.

Jika diteliti akan makna asal ***bilik*** yang dibuat oleh Adelaar, tentunya perkaitannya ialah kerja asal atau bahan asal untuk menjadikan sebuah ***bilik***. Makna asal ini bergeser ke arah ruang yang diperbuat daripada buluh itu dalam varian Melayu, kerana bahan yang digunakan untuk membuat ***bilik*** juga kian berubah. Pergeseran yang sama juga berlaku pada ***biliek*** dan ***bilik*** (Ibn). Ini dapat difahami kerana rumah masyarakat Minang dan Iban berlantai searas (kecuali anjung) dan hanya ruang ***bilik*** itu sahaja yang bersekat. Sekatan itulah menyebabkan pengkhususan diberi kepada ruang berkenaan. Rumah Melayu, walaupun lepas bebas tidak bersekat, aras lantai tetap memainkan peranan dalam penentuan sempadan ruang (Lim, 1987).

Kedua-dua kata ***dalam*** dan ***bilik*** merupakan kata yang dipinjam oleh varian Melayu daripada varian Jawa. Namun penjelasan sebenar tentang kebenaran dan bagaimana kata itu dipinjam memerlukan kajian yang lebih mendalam. ■

elok kata dalam mufakat, buruk kata di luar mufakat

Resensi

Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia

Pusat Bahasa

Judul : Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia
Penulis : Tim Penyusun Pusat Bahasa
Penerbit : Mizan
Tahun : 2009
Peresensi: Adi Budiwiyanto

Dalam dunia leksikografi, kamus dan tesaurus berkembang seiring sejalan. Munculnya kamus mengilhami munculnya tesaurus, atau sebaliknya, dari tesaurus kemudian muncul kamus. Sebagai contoh, seperti yang ditulis oleh Halliday dalam bukunya *Lexicology and Corpus Linguistics: An Introduction* (2004), tesaurus yang dibuat oleh Roget, *Roget's Thesaurus*, ternyata terinspirasi oleh sebuah kamus Sanskerta, *Amera Kosha*, yang dibuat oleh Amera Sinha pada abad ke-7. Kamus tersebut kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Inggris oleh Colebrooke (diterbitkan pada tahun 1808). Sementara itu, di Cina, tesaurus berjudul *Er Ya* '*Treasury of Fine Words*' terlebih dulu muncul dan kemudian mendorong kemunculan kamus lain.

Di Indonesia, tesaurus muncul setelah adanya kamus. Salah satunya adalah *Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia Pusat Bahasa (TABIPB)* yang diluncurkan pada 28 Oktober 2009 lalu. Tesaurus ini dapat dikatakan sebagai pendamping dari *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (*KBBI*) yang dikeluarkan oleh Pusat Bahasa yang telah diterbitkan pada tahun-tahun sebelumnya (yang terakhir KBBI Edisi Keempat, 2008). Kamus, pada umumnya, digunakan untuk mencari makna kata, sedangkan tesaurus sebaliknya, yaitu untuk mencari sekelompok relasi kata yang telah diketahui maknanya.

Marilah kita kupas keunggulan dan kelemahan tesaurus yang baru saja diterbitkan ini.

Dari judulnya, segera kita dapat mengetahui bahwa tesaurus ini disusun secara alfabetis. Dalam sejarah awal tesaurus, kata-kata yang saling berkaitan disusun berdasarkan gagasan atau tema. Tesaurus jenis ini biasanya disebut tesaurus tematis. Namun, untuk memudahkan pengguna dalam pencarian kata, penyusunan tesaurus pun berkembang. Kini banyak tesaurus yang dikemas berdasarkan abjad, seperti yang diterapkan dalam tesaurus ini. Bahkan, urutan sinonim, hiponim, antonim, ataupun meronimnya disusun berdasarkan abjad.

Dari segi isi, *TABIPB* dapat dikatakan lebih komprehensif jika dibandingkan dengan terbitan yang lain. Tesaurus ini memuat sekitar 28.000 lema atau entri yang berupa kata dan kelompok kata. Tesaurus ini ternyata tidak hanya memberikan sinonim atau *near-synonym*, tetapi juga memberikan hubungan makna yang lain, seperti superordinat, hiponim, antonim, dan meronim. Akan tetapi, pemberian hiponim, antonim, dan meronim sayangnya tidak diterapkan pada seluruh lema atau sublema.

Dari segi sistematika penyajian, *TABIPB* sangat memberi kemudahan kepada para pembacanya. Tesaurus ini memberikan cara menggunakan tesaurus yang sangat jelas di dalam petunjuk pemakaiannya sehingga memudahkan pemakai menggunakan tesaurus ini. Misalnya, pengguna tesaurus akan dengan mudah membedakan kata yang memiliki hubungan sinonimi, antonimi, hiponimi, dan meronimi. Meskipun demikian, kelemahan dapat dirasakan di sini, terutama karena tesaurus ini disusun secara alfabetis. Dengan demikian, pengguna tidak dapat mengetahui tingkat kedekatan makna kata di dalam definisi dengan lema. Bisa saja, kata yang memiliki hubungan terdekat, letaknya mungkin akan jauh dari lema, kecuali jika kebetulan kata tersebut memiliki huruf abjad di awal, misalnya abjad *a*. Itu harus dicari jalan keluarnya karena biasanya pengguna mengutamakan kedekatan makna. Tentu saja hal tersebut tidak mudah untuk dilakukan karena memerlukan penelitian yang makan waktu sangat lama.

Harga Rp179.000,00 untuk tesaurus terbitan Mizan ini tergolong murah. Sampul keras (*hardcover*) yang diberi jaket merah sangat menarik mata dan terkesan eksklusif. Sayangnya, ketika buku itu dibuka, terasa ada sesuatu yang timpang. Kertas yang digunakan jauh dari kesan eksklusif serta mudah rusak dan sobek. Mungkin penerbit bermaksud untuk menekan harga agar terjangkau oleh masyarakat umum. Namun, perlu juga dipertimbangkan keawetan buku itu mengingat tesaurus biasanya digunakan untuk jangka waktu yang lama dan frekuensi pemakaiannya pun cukup tinggi.

Terlepas dari beberapa kelemahan tersebut, terbitnya *Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia Pusat Bahasa* ini layak diberi apresiasi yang tinggi. Tesaurus ini dapat membantu penggunanya dalam mengungkapkan atau mengekspresikan gagasan sesuai dengan apa yang diinginkan. Tesaurus ini sangat berguna untuk mereka yang berprofesi di bidang komunikasi, seperti wartawan, penulis, penerjemah, penulis naskah iklan (*copy writer*), redaktur, dan orator atau pengonsep naskah pidato. Di samping itu, tesaurus ini juga berguna dalam pengajaran bahasa sehingga dapat dimanfaatkan oleh pengajar dan pelajar. (AB) ■

Resensi

Ensiklopedia Unggul Bahasa Melayu

Judul : Ensiklopedia Bahasa Melayu
Penulis : Prof. Emeritus Dr. Dato' Asmah Haji Omar
Penerbit : Dewan Bahasa dan Pustaka
Tahun : 2008
Pengulas: Zaidi Ismail

Ensiklopedia Bahasa Melayu (EBM) merupakan sebuah ensiklopedia yang mengungkapkan dan memberikan gambaran yang menyeluruh tentang bahasa Melayu, khususnya bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia. Ensiklopedia dalam bentuk baru ini merupakan sebuah ensiklopedia khusus atau ensiklopedia bidang yang hanya memerikan pelbagai aspek yang berkaitan dengan bahasa Melayu dalam sebuah ensiklopedia.

Tujuan utama penerbitan ensiklopedia yang dianggap sebagai perintis pembaharuan dalam penerbitan ensiklopedia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini adalah untuk menghimpunkan dan mendokumentasikan sebanyak mungkin maklumat tentang bahasa Melayu dalam satu jilid ensiklopedia. EBM mengandungi banyak maklumat penting bahasa Melayu, khususnya bahasa Melayu yang digunakan di Malaysia. Keseluruhannya, ensiklopedia ini mengandungi 32 tajuk utama yang disusun mengikut urutan sejarah dan perkembangan bahasa Melayu di Malaysia. Susunannya bermula dengan gambaran sejarah bahasa Melayu dari segi keanggotaannya dalam rumpun Austronesia hinggalah kepada perkembangannya menjadi bahasa moden yang digunakan dalam pelbagai genre, termasuklah sains dan teknologi.

Antara aspek utama bahasa Melayu yang disentuh ialah berkaitan dengan sejarah dan penyebaran bahasa Melayu; bahasa Melayu pada batu bersurat di Sumatera Selatan dan Terengganu; penggunaan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pemerintahan, bahasa pentadbiran, bahasa undang-undang, dan bahasa pengantar dalam pendidikan; perancangan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, serta perancangan korpus bahasa Melayu; variasi bahasa Melayu; sistem tulisan dan ejaan Jawi dan Rumi; fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis, dan nahu; jenis dan ragam bahasa; serta perkamusan Melayu, leksikon, struktur leksikal, dan etimologi.

Selain itu, ensiklopedia ini juga turut dilengkapkan dengan gambaran dan penjelasan tentang unsur-unsur keindahan dan pencemaran yang terdapat dalam bahasa Melayu. Gambaran dan penjelasan tentang unsur keindahan dalam bahasa Melayu ini dapat dilihat secara jelas terutamanya dalam bahasa Melayu klasik yang sememangnya sarat dengan bunga-bunga bahasa yang diungkapkan melalui bahasa kiasan, peribahasa, teka-teki dan pantun.

Gambaran dan penjelasan tentang unsur pencemaran yang terdapat dalam bahasa Melayu pula dapat dilihat melalui penggunaan bahasa Melayu dalam Khidmat Pesanan Ringkas atau lebih dikenali dengan SMS. Bahasa SMS ini telah menimbulkan kegusaran kepada pencinta bahasa Melayu bukan disebabkan oleh ciri-ciri ringkasnya, tetapi disebabkan oleh "pencemaran" bahasanya. Dalam bahasa SMS, bahasa Melayu telah dicampur-adukkan dengan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, dan kebiasaan ini turut dibawa ke dalam situasi yang lain, seperti dalam penulisan rasmi.



Secara keseluruhannya, sebahagian besar daripada kandungan ensiklopedia ini merupakan perkenalan kepada bahasa Melayu sebagai alat berfikir dan menyampaikan mesej dengan pelbagai kaedah yang dimungkinkan oleh sistem dan struktur bahasa berkenaan. Ensiklopedia ini ditulis dengan mudah supaya difahami pembaca daripada pelbagai latar pendidikan. Ensiklopedia ini juga dihiasi dengan peta, gambar, rajah, jadual, garis waktu, sketsa, kartun, petak maklumat, dan contoh-contoh yang dipetik daripada pelbagai sumber supaya pembaca tertarik untuk membaca dan merujuknya selalu.

EBM setebal 300 halaman yang dijual pada harga RM80.00 ini sangat sesuai dijadikan rujukan tambahan oleh pencinta bahasa Melayu, terutamanya dalam kalangan guru dan pelajar. ■

Buku Jendela Ilmu

Wisata Kata

Istilah Peribumi Bijiran (Nama-Nama PADI)

Hurul'Ain Nukhbah Rabaha

Penyelidikan dan pengumpulan istilah peribumi merupakan sebahagian daripada perancangan kerja Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam bagi memasyarakatkan istilah peribumi yang ada di negara ini. Inisiatif ini bertujuan mendokumentasikan dan mengangkat istilah peribumi bagi mendekatkan masyarakat dengan pengetahuan dan maklumat yang di luar dari lapangan mereka. Antara yang istilah peribumi yang berjaya diterbitkan setakat ini ialah glosari istilah buah-buahan tempatan, keris, tenunan dan nama-nama ikan. Projek penyelidikan istilah peribumi yang sedang dan akan dilaksanakan ialah peribumi nama-nama bijiran (padi), anyaman dan perahu. Berhubung dengan istilah peribumi padi, projek pengumpulan yang menyasarkan tempoh kajian selama enam bulan ini telah bermula pada bulan Jun 2009. Penyelidikan dilaksanakan di keempat-empat buah daerah khusus di jelapang padi milik sendiri mahupun di jelapang padi bersepadu. Hasil penyelidikan tersebut, sebanyak 16 jenis padi ditanam di negara ini seperti senarai berikut:

Padi Jampoi	Padi Embun
Padi Merah	Padi Limbu
Padi Malinja	Padi Mahsuri
Padi Langsat	Padi Raup
Padi Sambas	Padi Jungkok
Padi China	Padi Siam
Padi Palajau	Padi Sambaru
Padi Bunut	Padi Bandul
Padi Adan	Padi Pusu

Terdapat jenis padi yang disenaraikan mempunyai subspesies sebagai contoh padi bandul mempunyai subspesies padi bandul maminyak. Kebanyakan padi yang ditanam di negara ini terdiri dari padi paya, yang menggunakan sistem pengairan secara terbuka. Selain padi paya, terdapat juga padi tugal atau padi bukit. Spesies padi seperti padi Mahsuri, Malinja, Siam dan Sambas adalah jenis padi yang biasa ditanam di negara jiran. Selebihnya merupakan spesies padi yang ditanam sejak turun-temurun oleh puak Lun Bawang, Penan, Kenyah dan Bidayuh yang tinggal di tanah tinggi. Ada antara puak ini yang bermukim di dataran rendah juga telah menanam spesies padi yang sama di kawasan tempat penghunian baru mereka.

Pengumpulan istilah peribumi ini juga akan memuatkan maklumat mengenai peralatan yang digunakan termasuk deskripsi peralatan yang berkaitan dengan penanaman padi.

Rujukan

Buku/Artikel Yang Tidak Terbit:

- Majlis Pelancaran Penanaman Padi Laila Kampung Bekiau, Tutong. 30hb Mei 2009.
- Sejarah dan latar belakang Penanaman Padi di Negara Brunei Darussalam, buku urusetia Jawatankuasa Majlis Pelancaran Penanaman Padi 2009. ■

Profil

Prof. Dr. Teo Kok Seong

Prof. Dr. Teo Kok Seong berkelulusan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian Kelas satu) dalam bidang Pengajian Melayu, jurusan linguistik dari Universiti Malaya pada tahun 1982 dan ijazah Sarjana Persuratan (Master of Letters) dalam bidang Bahasa Melayu & Linguistik pada tahun 1986. Pada tahun 1991, beliau memperoleh ijazah *Master of Arts in Linguistics* dari University of California at Berkeley dan *Doctor of Philosophy in Linguistics* pada tahun 1993. Dr. Teo bertugas sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak tahun 1982. Bidang pengkhususan akademik beliau ialah sosiolinguistik dan linguistik antropologi.

Beliau banyak menyumbang tulisan untuk penerbitan di dalam dan luar negara. Salah sebuah karyanya, iaitu "*The Peranakan Chinese of Kelantan: A Study of the Culture, Language and Communication of an Assimilated Group in Malaysia*", diterbitkan di London. Dr. Teo juga sering dirujuk oleh pihak media untuk memberikan penjelasan dan pandangan tentang perkembangan Bahasa Melayu. Dr. Teo pernah dijemput oleh Universiti Brunei Darussalam untuk menjadi "pensyarah kunjungan" pada tahun 2002. Beliau juga dilantik menganggotai Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Malaysia (JKTBM) dan ahli Jawatankuasa Bahasa Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka sejak dari tahun 2000. Kini beliau bertugas sebagai Felo Penyelidik Utama di Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM. ■

Profil

Anton M. Moeliono:
Sang Maestro Bahasa

Jika bertanya kepada orang-orang yang pernah mengenalnya, mereka akan menyampaikan kesan yang berbeda-beda tentang lelaki berperawakan tinggi besar yang bernama lengkap Anton Moedardo Moeliono ini. Kesan itu mungkin tentang keangkeran, kegalakan, ketegasan, atau kedisiplinannya, mungkin juga tentang dinginnya sikap, keras dan tajamnya kata-kata, atau teguhnya pendirian. Di ujung apa pun yang disampaikan banyak orang tentangnya, mereka pasti mengatakan bahwa lelaki yang disapa akrab dengan Pak Ton ini adalah orang yang memberikan kebaikan bagi kehidupan mereka, baik kehidupan keilmuan maupun kehidupan pribadi. Hal itu diakui pula oleh Menteri Pendidikan Malaysia yang pada tahun 1995 memberikan penghargaan kepada Pak Ton ini atas jasanya dalam pembinaan dan pengembangan bahasa dalam Majelis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) dan Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (Mabbim).

Anton M. Moeliono lahir di Bandung pada tanggal 21 Februari 1929. Walaupun orang tuanya, R.M. Moeliono Prawirohardjo dan Maria A. Igno, mempunyai keterbatasan ekonomi, dia beserta kedua kakak dan kedua adiknya disekolahkan di tempat pendidikan terbaik di Bandung. Pendidikan dasar hingga menengahnya mengajarkan kepada dia beserta keempat saudaranya untuk bersaing menjadi yang terbaik di mana pun mereka berada. Dia termasuk tujuh terbaik (dari tiga puluh siswa) yang mendapatkan beasiswa untuk menempuh pendidikan S-1 di Universitas Indonesia. Karena selalu berusaha menjadi yang terbaik, selepas itu dia dikirim ke *Cornell University* di Amerika untuk memperoleh gelar *Master of Arts in General Linguistic* di sana. Dia membuktikan dirinya menjadi yang terbaik ketika dalam rentang satu tahun setelah menyelesaikan pendidikan doktornya, dia diangkat menjadi guru besar di Universitas Indonesia, tempat dia mengabdikan dirinya menjadi pengajar sejak menyelesaikan pendidikan sarjananya. Dalam menguasai bahasa asing, Anton Moeliono pun menunjukkan bahwa dirinya salah satu yang terbaik. Dia menguasai bahasa Inggris, Jerman, dan Belanda dengan fasih. Bahkan, seorang penutur bahasa Belanda, yang pernah bercakap-cakap dalam bahasa Belanda dengan Anton Moeliono, mengungkapkan bahwa bahasa Belanda Anton Moeliono lebih baik daripada mereka. Namun, dengan rendah hati Anton Moeliono berkata bahwa dia hanya mengusai logat bahasa-bahasa tersebut dengan baik.

Selain gemar berolahraga renang dan berjalan kaki, sejak kecil Anton Moeliono gemar berorganisasi. Dia memiliki banyak pengalaman dalam berorganisasi. Pada masa menjadi murid, dia aktif dalam kepanduan. Pada masa menjadi mahasiswa, dia aktif pada banyak organisasi mahasiswa. Akan tetapi, keasyikannya dalam berorganisasi ketika menjadi mahasiswa membuatnya menyelesaikan pendidikan sarjana dalam waktu delapan tahun. Dia tidak menyesalinya, bahkan dia bersyukur karena pengalaman dalam berorganisasi itulah yang memampukannya untuk menjadi pemimpin. Sebagai pemimpin, Anton Moeliono pernah berhasil memajukan Pusat Bahasa (yang ketika itu bernama Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa), *Indonesian Linguistics Development Project* (ILDEP) di Indonesia, Program Pascasarjana Ilmu Sastra dan Program Studi Linguistik Pascasarjana di Universitas Indonesia, bahkan juga Program Studi Linguistik Terapan di Universitas Katolik Atma Jaya.

Bagi Anton M. Moeliono, hidup adalah memberi dan membagi apa yang dia punya, terutama yang dia punyai secara akademis. Menjadi dosen, pembicara, pembimbing, dan konsultan adalah jalan yang diambil Pak Ton untuk memberi dan berbagi itu. Banyak akademisi menjadi master dan doktor karena bimbingannya. Banyak pengguna bahasa Indonesia lebih memahami bahasa Indonesia karena mengikuti siarannya di televisi dan radio atau membaca tulisannya di buku atau surat kabar. Banyak badan, lembaga, atau instansi rapi bahasa dokumennya karena staf dan pemimpinnya mampu menggunakan bahasa Indonesia secara baik dan benar atas arahannya. Bangsa Indonesia pun layak berterima kasih kepadanya karena melalui pemikiran dan tangannyalah bangsa Indonesia akhirnya memiliki *Ejaan Bahasa Indonesia yang*

Disempurnakan, Kamus Besar Bahasa Indonesia, dan *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia.* Untuk itu, Anton M. Moeliono layak disebut sebagai "maestro" perencana bahasa di Indonesia. Perencanaan bahasa itu tertuang dalam disertasinya yang sudah terbit dalam bentuk buku dengan judul *Pengembangan dan Pembinaan Bahasa: Ancangan Alternatif di dalam Perencanaan Bahasa.*

Pemikiran "Sang Maestro" ini tidak hanya terbatas bagi bahasa dan bangsa Indonesia. Dia terlibat dalam kerja sama bahasa antara Indonesia dan Malaysia sehingga menjadi salah satu dari pendiri MBIM. Dalam organisasi yang kemudian berganti nama menjadi Mabbim itu, dia pernah menjadi Ketua Panitia Kerja Sama Kebahasaan (Pakersa) Mabbim dari tahun 1985--1989.

Tahun ini, "Sang Maestro" telah berusia 81 tahun. Dia merasa diberkati oleh Tuhan karena dilahirkan dalam konteks yang memungkinnya untuk berbuat sesuatu yang bermanfaat bagi orang lain. Pada masa tuanya, dia masih ingin terus memberi dirinya untuk pembinaan dan pengembangan bahasa di Indonesia, Malaysia, dan Brunei Darrusalam. Dalam kiprahnya ini, dialah yang sebenar-benar maestro bahasa Indonesia. (KK) ■

Kilas Peristiwa

Wks. Kepala Pusat Bahasa, Agus Dharma, Ph.D. dalam peluncuran *Tesaurus Alfabetis Bahasa Indonesia* pada puncak acara Bulan Bahasa dan Sastra 2009.

Peserta Musyawarah Ke-15 Sekretariat Majelis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia, Malaysia (Mabbim) di Yogyakarta.

Peserta dan pengajar Pelatihan Leksikografi Tahap II yang berlangsung di Jakarta.

Para pakar berbagai bidang ilmu bersidang dalam Sidang Ke-22 Pakar Mabbim di Kuala Lumpur.

Peserta Bengkel Penulisan Istilah dengan penuh perhatian mengikuti pelatihan.

Peserta Sidang Eksekutif Ke-48 Mabbim dan pemerhati dari Singapura.

Peserta Seminar Bahasa dengan tema "Menangani Masalah Sikap Bahasa Melayu/Indonesia dalam Rangka Pendewasaan Bangsa."

Para pemakalah membentangkan makalahnya dalam Seminar Bahasa Mabbim.

Prof. Dr. Nor Hashimah binti Jalaluddin menerima cenderamata seusai memberikan syarahan.

Agenda

Kegiatan		Waktu dan Tempat
1. Kongres Antarabangsa Kebudayaan Melayu (KAKEM)	–	16--18 September 2011, di Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam
2. Sidang Pakar Ke-23 Mabbim	–	7--8 Maret 2010, Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur
3. Seminar Bahasa Mabbim	–	9--10 Maret 2010, Dewan Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur, Tema: Meningkatkan Daya Komunikasi Bahasa Melayu/Indonesia dalam Pemeliharaan Alam Sekitar/Lingkungan Hidup
4. Sidang Eksekutif Ke-49 Mabbim	–	11--12 Maret 2010, Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur
5. Bengkel Penterjemahan Mabbim	–	22--25 Mei 2010, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Kuala Lumpur
6. Syarahan Mabbim	–	27 Juli 2010, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Susunan Redaksi

Penanggung Jawab:
Kepala Pusat Bahasa

Pemimpin Redaksi:
Yeyen Maryani

Redaksi Pelaksana:
Sugiyono, Meity T. Qodratillah, Awang Haji Zainal Ariffin bin BPK Dato Paduka Haji Sirat, Mashitah Taharin, Adi Budiwiyanto, Kity Karenisa, Deni Setiawan, Nova Adryansyah.

Alamat Redaksi

Pusat Bahasa
Kementerian Pendidikan Nasional
Jalan Daksinapati Barat IV,
Rawamangun, Jakarta 13220
Telepon (021) 4896558
Faksimile (021) 4750407